



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

BANGUNAN KWSP
JALAN RAJA LAUT
50350 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 03-2946566/2947566
2948566/2949566
Fax : 03-2948433/2940871

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh :

8/2/8-0415-6/2007
12 Jan 2007

THE MALAYSIAN INSURANCE INSTITUTE
No. 5, Jalan Sri Semantan Satu
Damansara Heights
50490, KUALA LUMPUR
(U.P. : En. Zekri Ghazali)

Tuan

MEMBIAYAI PENGAJIAN PROGRAM PROFESIONAL DI MALAYSIA INSURANCE INSTITUTE(MII) DI BAWAH PENGELUARAN PENDIDIKAN KWSP

Saya adalah merujuk kepada surat tuan bertarikh 14 Disember 2006 yang bertujuan untuk mendapatkan kelulusan KWSP berhubung pembiayaan pengajian program profesional di MII di bawah Pengeluaran Pendidikan KWSP.

2. Adalah dimaklumkan bahawa setelah meneliti kertas cadangan yang dikemukakan, KWSP bersetuju dan meluluskan program profesional yang ditawarkan oleh MII iaitu **Diploma Of The Malaysian Insurance Institute(DMII)** dan **Associateship Of The Malaysian Insurance Institute(AMII)** sebagai salah satu program profesional di bawah Pengeluaran Pendidikan KWSP.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan boleh memaklumkan kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian program berkenaan untuk mengemukakan permohonan Pengeluaran Pendidikan KWSP di mana-mana pejabat KWSP yang berhampiran. Bagaimanapun kelulusan adalah tertakluk kepada syarat dan prosedur semasa pengeluaran ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

IBRAHIM TAIB
Ketua Bahagian Operasi
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA